

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [ TANGGA BATU ]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [ TANGGA BATU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan Kementerian bercadang menubuhkan Hospital Perkhidmatan Kecemasan untuk menangani masalah COVID-19 dan sebagainya, seperti yang dilakukan oleh United Kingdom semasa perang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited dalam menangani penularan pandemik COVID-19 yang semakin meningkat di negara ini khususnya di Sabah. Justeru, pelbagai usaha telah dijalankan seperti meningkatkan kapasiti fasiliti hospital dan mobilisasi aset serta sumber manusia. Selain itu, usaha ke arah meningkatkan kelangsungan rawatan terhadap pesakit bukan COVID-19 juga diteruskan. Ini termasuk **penubuhan Hospital Medan di Tawau di mana ia adalah hasil kerjasama KKM dengan pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM).**
  
2. **Penubuhan hospital ini bertujuan membantu Hospital Tawau dalam merawat kes-kes bukan COVID-19 terutamanya kes-kes kecemasan yang memerlukan pembedahan. Jabatan lain yang turut terlibat adalah Perubatan, Pediatric, Ortopedik dan Obstetrik dan Ginekologi.** Oleh yang demikian, penubuhan Hospital Medan ini secara tidak langsung dapat membantu perawatan terhadap pesakit COVID-19.

3. Hospital Medan dengan kapasiti 100 katil mula dibangunkan di Kompleks Sukan Tawau pada 16 Oktober 2020. Dalam masa 4 hari, hospital ini berjaya dibangunkan dan dilengkapi dengan katil dan peralatan perubatan. Dalam masa yang sama, mobilisasi sumber manusia juga telah diusahakan bagi menjayakan pembangunan hospital ini.

4. Mobilisasi peralatan perubatan dan sumber manusia serta pentadbiran hospital adalah gabungan bersama KKM dan pihak ATM. Hospital Medan mula beroperasi sejak 20 Oktober 2020 dengan permulaan kemasukan pesakit bukan COVID-19 sebanyak 4 orang.

5. Dalam fasa kedua pelaksanaan, pihak ATM merancang untuk mewujudkan modul 4 katil ICU dan 2 bilik bedah untuk perawatan kepada pesakit bukan COVID-19. Diharapkan dengan adanya hospital ini, lebih banyak katil di Hospital Tawau boleh digunakan untuk pesakit COVID-19 dan juga kelangsungan rawatan pembedahan terhadap pesakit bukan COVID-19 dapat diteruskan.

6. Selain itu, KKM juga bekerjasama dengan pihak ATM dalam menubuhkan makeshift hospital di Kompleks Penjara Kepayan, Kota Kinabalu dan di Kompleks Penjara Pokok Sena, Kedah bagi menampung peningkatan kes COVID-19. *Makeshift Treatment Centre (MTC)* Penjara Kepayan dengan kapasiti 2,700 katil mula beroperasi sejak 25 Oktober 2020 dengan kadar penggunaan katil adalah sebanyak 57% pada 27 Oktober 2020. Daripada jumlah 2,700 sebanyak 300 dijadikan katil ICU yang akan menempatkan pesakit-pesakit kategori 3 dan 4. Manakala *Makeshift Treatment Centre* di Kompleks Penjara Pokok Sena juga mula beroperasi sejak 25 Oktober 2020 dengan kekuatan kapasiti 236 katil termasuk 6 katil rawatan rapi bagi kategori banduan yang positif COVID-19 dalam kategori 3 dan 4.

7. Pada masa kini, kadar penggunaan katil semakin menurun dengan kadar terkini pada 5.7% sahaja. Oleh yang demikian dengan penubuhan Makeshift Treatment Centre tersebut dapat membantu KKM dalam menangani kes COVID-19 yang semakin meningkat.

Sekian, terima kasih.